

**SEGERA DENGAN FAKS**

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3/1Klt.33 (56)  
Tarikh : 25 Mei 2015

**Ketua Pengarang  
Malaysia Nanban**

Tuan,

**MAKLUMBALAS ADUAN AKHBAR MALAYSIA NANBAN BERTAJUK "PENGENALAN  
HIDUP CUKUP BAGI SAYA" BERTARIKH 22 MEI 2015, JUMAAT – M.S: 10**

Dengan segala hormatnya, saya diarah merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang diutarakan oleh Encik Mariadass A/L Arulappan dan Puan Mariayi A/P P.Kailas berkenaan untuk mendapat kad pengenalan.

3. Untuk makluman, hasil semakan mendapati Encik Mariadass A/L Arulappan telah mengemukakan taraf kewarganegaraan di bawah Perkara 19(1)(a)(i) Perlembagaan Persekutuan pada 24/11/2011 di JPN Bagan Datoh, Perak. Walau bagaimanapun permohonan beliau tidak berjaya dan telah dimaklumkan melalui surat pada tahun 2012. Hasil semakan juga mendapati Puan Mariayi A/P P.Kailas tidak pernah mengemukakan permohonan kewarganegaraan Malaysia.

4. Sehubungan dengan itu, Encik Mariadass A/L Arulappan bolehlah mengemukakan semula permohonan taraf kewarganegaraan Malaysia di bawah Perkara 19 Perlembagaan Persekutuan. Manakala bagi Puan Mariayi A/P P.Kailas yang berhasrat untuk menjadi warganegara Malaysia bolehlah hadir di mana – mana pejabat JPN yang berhampiran untuk mendapatkan borang serta penjelasan lanjut berkenaan kelayakan memohon status warganegara Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah.

**(FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI)**

Pegawai Perhubungan Awam,  
b.p Ketua Pengarah,  
Jabatan Pendaftaran Negara,  
Malaysia.

☎ : 03-88807077

☎ : 03-88808288

✉ : [pro@jpn.gov.my](mailto:pro@jpn.gov.my)

s.k.:  
1. YBhg. Dato' KPPN  
2. YBhg. Datin Seri TKPPN (P)  
3. YBr. Tuan TKPPN (O)  
4. YBr. Tuan TKPPN (ICT)